

26/12/1999

Jakarta, Jakarta, Kuala Lumpur

Atondra

KHAMIS 12 Ogos, 1999. Muhammad Wari dijadualkan berada di Jakarta. Puan Maz seperti berat mahu melepaskan, sudah dua minggu Muhammad Wari sakit kaki. Kena gout, pastinya terlalu banyak meratah udang dan sotong di Kelana Seafood. Di rumah pun bertongkat. Berita rusuhan ditonton di kaca TV saban malam tambah membimbangkan hati isteri.

"Tak pergi tak boleh?" Ngomel Puan Maz antara dengar dan tidak ketika menggosokkan seluar suaminya. Sudut hatinya terpacak tanda tanya, ada nama dan alamat seorang wanita yang ditemui tercatat di pinggir diari saku. Sebelumnya dia pernah terima telefon daripada lelaki memberitahu suaminya menikah lagi di Jakarta.

Keraskan hati pasti pergi. Sakit, sakitlah. Ada teman setujuan Hidwa Narsak akan membantu. Janji menunggu di KLIA. Seorang teman setujuan juga Onid sudah terbang dengan MAS dua hari lalu melalui Surabaya.

Berjanji bertemu di Hotel Sofyan Cikini, berhampiran Taman Ismail Marzuki. Menurut Onid, Penyair Besar Indonesia WS Rendra sering menginap di Sofyan. Memang rancangan kami mahu menemuinya. Pertemuan di Kuala Lumpur puasa 1419 tahun lalu, di PSN Sumatera Barat dahulu tidak puas, tidak mesra.

Puan Maz terpaksa ambil cuti, menghantar Muhammad Wari ke KLIA. Berat benar hatinya hendak melepaskan suami kali ini. Bulan Februari lalu, baru sambut tahun perak perkahwinan. Mendengar hendak ke KLIA, anak baru gedi (ABG) 13 tahun, tingkatan satu sepatutnya bersiap-siap untuk sekolah sesi petang, buat-buat pening kepala. Mahu ikut hantar ke KLIA juga.

"Bapak bawak tongkat?" tanya anak baru gedi, Sri Hazwani.

"Biarkan, degil!" Sindir emaknya yang hampir sama dua beranak pet pot. Mana tumpahnya kuah?

Dua hari lalu pet pot emaknya melulu saja. Sentuh hal-hal cilik bengik, remeh: Lama tak balik kampung. Saudara kahwinkan anak tak pergi. Boya sakit tak jenguk. Musim durian baru nampak muka. Dah kampung kita tak balik, kampung sendiri jauh sekali. Semalam mak telefon, abah sempat balik. Kalau lapang baliklah tengok abah, esok nyesal...!

KLIA tenang. Memang letak kereta di KLIA mahal. Puan Maz tidak tergamak menunggu. Cukuplah sekadar menghantar ke pintu International Departure. Sudah ramai penumpang menunggu, TKI (Tenaga Kerja Indonesia) mereka mahu pulang, sesudah lama bertugas di rumah majikannya di Kuala Lumpur. Sesudah banyak dapat himpun RM, kemudian tukar kepada Rp agih-agih keluarga. Betapa besar hati keluarga, memuji sumbangan dari kemanakan. Keluarga sebenarnya tidak tahu sukar jerihnya kemanakan bekerja dengan majikan di Kuala Lumpur.

Sampai di Jakarta. Ternyata Ibu Negara dihuni 20 juta penduduk tetap, dan gelandangan itu tenang. Tidak seperti digambarkan media massa. Tidak seperti kunjungan Muhammad Wari bulan Mei tahun lalu, ada tunjuk rasa, bakar-bakaran simpangan jalan jadi sesak, cepat-cepat lari ke Denpasar.

Lawatan terakhir penghujung tahun 1998, disambut pula dengan tunjuk rasa bersenjata bambu runcing. Waduh...! Parah sekali seperti mahu segera terbang semula ke Kuala Lumpur.

"Aman pak..," pemandu teksi Blue Bird meyakinkan Muhammad Wari, Hidwa Narsak di tempat duduk belakang sudah terlelap. Sempat sekali dia ngorok.

Lapangan Terbang Sukarno Hatta ke Cikini 34 kilometer, tambang dijanjikan Rp70,000. (RM35)., sudah dilunaskan di terminal. Tetapi, setiap berenti bayar tol, pemandu meminta Muhammad Wari membayar. Berangkat 14.40

WIB (Waktu Indonesia Barat) 3.40 jam di tangan Muhammad Wari. Sampai di Jalan Thamrin persimpangan Wahid Hashim, kendaraan mula macit, pekerja baru keluar pejabat.

Macit di Jakarta lebih parah dari Kuala Lumpur. Muhammad Wari pernah terkena, pemandu taksi sering menggunakan suasana macit memutar-mutar jauh. Dia pekenakan pelancong Malaysia. Sama jugalah dengan pemandu taksi Kuala Lumpur, pekenakan pelancong asing. Tak boleh kata mengata. Dua x lima, lima x dua. Jakarta, Jakarta, Kuala Lumpur sama.

Jakarta bakal menyambut HUT 54 (Hari Ulang Tahun 54), 17 Ogos nanti. Selang dua minggu Kuala Lumpur menyambut HUT 42. Suasana Kota Jakarta ceria, sudah nampak terhias. Sepanduk-sepanduk dan banteng merah putih mula berkibar di muka bangunan tinggi. Ada lampu nion dipasang di depan bangunan tetapi belum berfungsi, masih ada beberapa hari lagi.

Barangkali HUT 54 disambut tidak semeriah masa-masa lalu, sorot hati Muhammad Wari. Ngorok teman di belakang meningkah.

Muhammad Wari pernah melihat suasana sebelum berlaku krisismon, (krisis ekonomi) sambutan HUT amat meriah. Jalan dan gang dibina pintu gerbang. Setiap kendaraan persendirian dan angkut kota berkibaran sangsaka kecil merah putih. Kuala Lumpur pasti mengibarkan Jalur Gemilang. Itu pada zaman Pak Harto, kini Pak Habibie, dia tidak suka membazir.

"Sampai pak..." sapa pemandu Blue Bird.

Petugas hotel sudah membukakan pintu taksi. Kamar juga sudah ditempahkan Onid yang tiba lebih awal dari Surabaya.

"Mana bapa Onid?" tanya Hidwa Narsak, kepada penyambut tamu.

"Keluar dengan ceweknya."

"Cewek?" Senyum dan angguk.

"Bila pula Onid pandai bercewek-cewek," Muhammad Wari menghalakan pertanyaan ke Hidwa Narsak ketika di dalam lif menungkah ke kamar 219.

"Jakarta, apa pun boleh terjadi. Kita tidak cari cewek, cewek cari kita," pengalaman Hidwa Narsak tiga tahun bertugas di kota metropolitan itu. Paling tidak menyimpuh juga kasihnya setahun pada gadis suku Madura + Minang, Reva Yulietta.

Jakarta memang tenang. Setenang Kota Francais Shah Alam.

Tidak ada berlaku sebarang kekacauan di Kota Jakarta ini. Kekecohan ribuan kilometer di daerah Aceh Utara, Timor-Timur dan Ambon. Berita TVRI dan akhbar harian memuatkan berbagai-bagai peristiwa menyayat di tiga daerah berkenaan. Mereka menuntut kemerdekaan. Aneh! Masakan!

Miski tiada kekacauan namun Muhammad Wari tidak sebebannya mahu keluar malam. Tongkat masih tak lepas di tangan. Malam pertama sesudah makan nasi Padang di Jalan Keramat Senin istirahat saja di kamar, menonton TVRI. Menyaksikan kegagalan anak didik Misbun Sidek, Roslin Hashim berhempas pulas melawan remaja Jakarta, 16 tahun, Taufek Hidayat di Sea Games XX Negara Brunei Darussalam.

"Terlalu sangat dipuji, gitu jadinya," komen Hidwa Narsak apabila keputusan perlawanan menyebelahi remaja 16 tahun.

Esok solat Jumaat. Khusyuk dan pasrah.

Muhammad Wari hendak solat di Masjid Istiqlal, tetapi Hidwa Narsak dan Onid lebih setuju solat di Cikini saja. Kemudian ke Jalan Gatot Subrono, pertemuan diatarkan di Hotel Hilton International untuk memeterai urusan niaga Business and Management Global.

Kaki masih sakit, selama lima hari di Jakarta, Muhammad Wari memeram diri di kamar. Teman-teman berdua gelenciran, balik janji bawakan nasi bungkus, minuman dan epal Malang.

Bosan di kamar, malam Minggu setuju ke Taman Impian Jaya Ancol, sewa Blue Bird Rp50.000 (RM25) mutar-mutar di Ancor, menyimbah kenangan lama di Pantai Bina Ria, suatu ketika dahulu Ancor menjadi sarang Wanita Tuna yang amat terkenal di Jakarta. Muhammad Wari pernah ke Bina Ria cari ilham.

Taman Jaya Ancor sudah sepi. Sepasang dua saja pacaran sedang menghitung Pulau Seribu, mengkhayal kecapi desir ombak Laut Jawa. Mana tidaknya, sudah satu setengah pagi (WIB) 2.30 jam di tangan Muhammad Wari.

"Ke Tanjung Periuk saja pak," suara Onid mengarah pemandu dari belakang. Pemandu akur, memutar teksi dari Jalan Pasir Putih ke Jalan Laksamana Re Martadinata.

"Sudah banyak berubah," komen Onid. Semasa bujangan pernah berkelana menyusur pantai dari Teluk Bayur ke Tanjung Periuk bermalam di Keramat Tunggak.

Onid mengarah lagi pemandu pergi ke daerah Keramat Tunggak, sebuah kompleks Wanita Tuna masih terkenal beroperasi menjelang siang di Jakarta kini. Sering dikunjungi kelasi-kelasi manca negara, karyawan harbour dan pekerja kapal dagang yang singgah di Tanjung Periuk. Sebelum pulang ke hotel, Muhammad Wari terpujgah sekali lagi di Jalan Keramat Senin, makan nasi Padang berulam petai rebus.

Jam 3.00 WIB sampai semula di hotel.

Hari Minggu Muhammad Wari cadang ke Bogor. Terhalang, teksi meminta bayaran Rp150.000 (RM75), sedangkan naik kereta api ekspres hanya Rp5,000 (RM2.50) seorang. Hidwa Narsak bercadang ke rumah Reva Yulietta di Kompleks Pertanian, Jalan Palapa 10, Pasar Minggu. Hatinya berbelah bagi, dia percaya Reva sudah berpindah ke Medan. Buang-buang rupiah saja.

Hari minggu bayaran telefon melalui warung telefon Wartel dalam dan luar negara separuh bayaran. Muhammad Wari menelefon ke Kuala Lumpur.

Sebaik gagang telefon disambut anak baru gede 13 tahun. Memang kebiasaan setiap dering telefon pasti dia mengangkat, macam artis baru muncul banyak teman dan peminat. Dia segera memanggil Puan Maz.

"Makkk...! Bapaakkk...!" Terdengar jeritnya sampai ke gagang Jakarta.

"Ngah...! Abang di mana ni?"

"Jakarta...!"

"Bila balik? Ngapa tak telefon, telefon?"

"Perjuangan belum selesai...!" Pinjam judul puisi Dr Mahathir.

"Abang...!" Terputus suaranya. Ada sendunya.

"Jangan terkejut...," suara basa basi, terputus lagi.

"Abah...?" Debar. Sarap wajah bahagian organ otak Muhammad Wari kerasan.

"Ya...! Abah dah tak ada," sendu Puan Maz lebih meninggi.

"Bila?" tenaga hayat Muhammad Wari menurun tiba-tiba. Hati kecil sekelompok bersemenda organ-organ penting dalam serangka tubuhnya gawat, segawat bumi Ankara dilanda gempa 7.4 pada skala Richter.

"Dikebumikan lepas solat Jumaat."

"Inna lil lahi...! Ya Allahhh...!" Hidwa Narsak dan Onid memapah Muhammad Wari ke kamar hotel.

Isnin, Hidwa Narsak menemankan Muhammad Wari pulang ke Kuala Lumpur.

Onid seorang memenuhi undangan sambutan HUT 54, menemani WS Rendra baca puisi "Warkah dari Cipayung Jaya" di Taman Ismail Marzuki.

Isnin 21 November, 1999.

Muhammad Wari di Jakarta kembali. Kini Jakarta sudah aman. Pelancong mula datang bertandang. Sudah tidak ada tunjuk-tunjuk rasa. Kuasa Pak Habibie sudah dilucut. Kini diganti Pak Gus Dur dan Mbak Mega. Tiga serangkai Onid dan Hidwa Narsak ikut sama ke Jakarta, tugas masing-masing belum selesai.

"Berapa lama bapak nginap di sini?" tanya penyambut tamu Hotel Sofian Cikini. Nama terpampang di dada, Nurnaningsih.

"Pulang tanggal 6 Disember!"

"Jadi, bapak tak ikut pemilu?" Suara Nurnaningsih lembut seperti menyindir bapak-bapak bertiga dari Malaysia dikira tidak bertanggungjawab kepada negara.

"Tak ikut pemilu pun Mahathir pasti menang," Hidwa Narsak yakin.

"Biau benau-benau yup?" Sanggah Onid yang sedikit tidak yakin, sebelum ke Jakarta dia pulang ke Teluk Intan, melihat kawasan pilihan raya temannya.

"Boleh bertaruh. Letak monyet pun kita boleh menang!" Hidwah tambah yakin.

"Masakan gitu pak?" Nurnaningsih memotong omongan bapak-bapak Malaysia, sambil menghulur borang untuk ditandatangani.

"Bayar sekali?" tanya Muhammad Wari.

"Sekalian nanti, bapak bukan tidak biasa di sini?"

"Cantik nama kamu, seperti nama film star," usik Muhammad Wari di belakang teman yang sudah beredar membawa beg ke arah lif. Nama Nurnaningsih pernah tersohor sekitar tahun 50-an, seorang artis yang menggegarkan Indonesia kerana sanggup melakukan adegan tanpa sebenang pakaian dalam filem.

"Selesai tugas jam berapa?" Muhammad Wari mula terpicik senyum manis Nurnaningsih.

"Tujuh..." spontan jujur.

"Ikut omm makan di Keramat Senin. Kita makan nasi Padang," seorang suami tua mula berlaku tidak jujur pada isteri, Puan Maz.

"Lain kali saja pak...!"

"Kenapa. Tak sudi...?"

"Sudah janji dijemput...!"

"Siapa? Cowok...!" Muhammad Wari pinjam kata-kata pasaran anak muda Indonesia kini. Nurnaningsih bersahaja.

"Suami...!"

Isnin 29 November, 1999.

Ketiga bapak-bapak Malaysia, tidak tidur sepanjang malam. Siaran CNN di TV digilir ganti dengan RTM digait melalui parabola. Terjerit suara Hidwa apabila pengumuman kemenangan BN dua pertiga.

"Dah aku agak pasti menang!"

"Ramai juga yang menaannnggg...iiiiissss!" jerkah Onid sinis, sambil berangkat ke bilik air. Sahabatnya di utara Teluk Intan terpaksa kecundang.

Siangnya, Muhamad Wari merobongan kamar Wartel, menelefon teman-teman karib yang menang. Ucapkan tahniah.

"Tak telefon Mahathir?" Tanya Onid.

"Terlupa nombornya!"

Bersama kad tahun baru 2000 @ Aidilfitri 1420 Muhammad Wari menitipkan tahniah sebesarnya! Sejahtera di Aidilfitri.

(END)